

AKTA 514: KE ARAH KECEMERLANGAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI MALAYSIA

Mumtaj bt. Hassan
Sekolah Pengurusan, Universiti Utara Malaysia

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) menyediakan perundangan untuk memupuk, meransang, dan menggalakkan kualiti keselamatan dan kesihatan di kalangan pekerja di tempat kerja.

Kertas kerja ini akan membincangkan tentang peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang menekankan kecemerlangan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Perkara-perkara yang disentuh adalah meliputi peranan utama dan kewajipan majikan dalam menjamin keselamatan, kesihatan, dan kebajikan pekerja. Selain daripada itu kewajipan pengilang, pekerja, orang yang bekerja sendiri, perekabentuk, pengimport dan pembekal juga akan diberi perhatian.

Kertas kerja ini juga akan mengupas tentang tanggungjawab Majlis Negara dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jawatankuasa Keselamatan dan pegawai keselamatan dan kesihatan untuk memastikan keselamatan, kesihatan, dan kebajikan di tempat kerja. Kertas kerja ini akan diakhiri dengan membincangkan kuasa untuk penguatkuasaan dan penyiasatan serta liabiliti untuk kesalahan-kesalahan di bawah Akta tersebut.

PENGENALAN

Hak untuk bekerja dalam suasana selamat dan sihat adalah merupakan hak asasi seseorang pekerja. Oleh itu para majikan perlulah sentiasa menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja di tempat kerja kerana mereka mudah terdedah kepada pelbagai kemalangan dan penyakit semasa bekerja. Mengikut perangkaan pada tahun 1998 sebanyak 68,579 kes kemalangan perindustrian dan 16,759 kes kemalangan semasa perjalanan telah dilaporkan, dengan menjadikan jumlah kes pada tahun tersebut sebanyak 85,338.¹ Menurut sumber Kementerian Sumber Manusia, pada tahun 1999, sebanyak 92,074 kemalangan perindustrian telah dilaporkan dan sebanyak 18,039 kemalangan semasa perjalanan.² Sementara itu sehingga Julai 2000 sebanyak 36,854 kes telah dilaporkan.³ Penurunan kemalangan perindustrian adalah menandakan wujudnya kesedaran keselamatan pekerjaan di negara dan hasil usaha yang berterusan untuk menangani masalah kemalangan dan penyakit di tempat kerja dari pihak kerajaan, agensi penguatkuasa, majikan dan pihak-pihak lain mahupun orang yang bekerja sendiri.

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP)

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) telah di gubal untuk melengkapkan undang-undang keselamatan dan kesihatan yang sedia ada dan AKKP akan mengatasi undang-undang lain sekiranya terdapat sebarang percanggahan. AKKP memberikan satu rangka perundangan untuk memulakan dan menggalakan standard yang tinggi bagi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja bagi semua industri tidak kira besar atau kecil. AKKP juga bertujuan untuk memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan dan membentuk budaya kerja yang selamat dan sihat di kalangan majikan dan pekerja.

AKKP turut menggariskan kewajipan-kewajipan am majikan, pekerja, orang yang bekerja sendiri, pengilang, perekabentuk, pengimport dan pembekal. Terdapat juga peruntukan mengenai perlantikan pegawai penguatkuasa, penubuhan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, penubuhan jawatan kuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, pemberitahuan mengenai kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan, penguatkuasaan, penyiasatan dan liabiliti bagi kesalahan dalam AKKP.

Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Majlis Negara mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang berhubung dengan pencapaian tujuan AKPP. Ia juga boleh menjalankan penyiasatan dan laporan serta cadangan dalam isu-isu kesihatan dan keselamatan. Antara kuasa dan fungsi majlis adalah berkenaan dengan:

- (a) Perubahan yang wajar berhubung dengan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- (b) Kemajuan dalam penguatkuasaan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- (c) Menggalakan hubungan kerjasama perundingan antara pengurusan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja;
- (d) Masalah-masalah berhubung dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja wanita dan orang cacat;
- (e) Mewujudkan kaedah kawalan bagi industri kimia di tempat kerja;
- (f) Penganalisaan statistik berhubung dengan kematian dan kecederaan di tempat kerja; dan
- (g) Pembangunan rancangan dan kemudahan pemulihan untuk membantu orang-orang tercedera di tempat kerja.

Keanggotaan Majlis

Majlis Negara adalah terdiri daripada wakil-wakil dari organisasi majikan dan pekerja, kementerian atau jabatan keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta wakil wanita daripada badan profesional yang aktivitiya adalah berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.⁴ Keanggotaan majlis hendaklah tidak melebihi lima belas dan tidak kurang dari dua belas anggota.

Majlis adalah dikehendaki menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri laporan aktivitiya bagi tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 30 Jun setiap tahun sebelum 31 Disember setiap tahun.⁵

IKKPN telah ditubuhkan pada tahun 1992 sebagai pusat atau penyedia latihan berhubung dengan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan latihan berkaitan dalam negara. IKKPN menjadi penggubal kurikulum dan pelbagai program latihan untuk memenuhi keperluan semua jenis industri, turut membantu negara dalam usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerja. Pada tahun 2000 sahaja IKKPN telah menawarkan 595 kursus dan seramai melatih 13,089 peserta.⁶

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP)

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) adalah jabatan yang bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja dan melindungi individu-individu lain daripada bahaya aktiviti-aktiviti pekerjaan di sektor berikut:

- (a) Pengilangan;
- (b) Pembinaan;
- (c) Pertanian, perhutanan dan perikanan;
- (d) Perlombongan dan penguarian;
- (e) Pengangkutan dan komunikasi;
- (f) Hotel dan restoran;
- (g) Perkhidmatan awam dan pihak berkuasa berkanun;
- (h) Perdagangan borong dan runcit;
- (i) Kemudahan gas, elektrik, air dan perkhidmatan kebersihan; dan
- (j) Kewangan, insuran, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan.

Objektif –objektif Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah seperti berikut:

- (a) Untuk menggubal dan mengkaji undang-undang, tataamalan, dasar dan garis panduan berhubung dengan keselamatan, kesihatan, dan kebajikan pekerjaan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan sewaktu bekerja.
- (b) Supaya majikan, pekerja, orang yang bekerja sendiri, pembekal, pengimport dan perekabentuk mengamalkan budaya kerja selamat dan sihat dan

mematuhi undang-undang, tataamalan, dasar dan garis panduan berhubung dengan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

- (c) Untuk membantu dan memberi perkhidmatan kepakaran dalam menyebarkan maklumat dan penyelidikan, dalam usaha untuk meningkatkan taraf keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja.

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan menjalankan fungsi-fungsi yang dinyatakan dibawah ini:

- (a) Menjadi urusetia kepada Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja;
- (b) Menjalankan kajian terhadap dasar dan perundangan ke atas keselamatan dan kesihatan pekerja;
- (c) Menjalankan penyelidikan ke atas isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja;
- (d) Menguatkuasakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994, Akta Kilang dan Jentera 1967 dan peraturan-peraturan di bawah kedua-dua Akta tersebut. Menguatkuasakan sebahagian daripada Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (e) Menjadi pusat negara bagi sistem rangkaian maklumat yang uruskan oleh Persatuan Buruh Antarabangsa;
- (f) Mengadakan program-program galakan kepada majikan, pekerja dan orang awam untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja; dan
- (g) Memberi khidmat nasihat dan maklumat kepada ejensi-ejensi kerajaan dan swasta berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerja.

Sementara itu undang-undang⁷ yang dikuatkuasakan oleh JKKP ialah:

- a) Akta Kilang dan Jentera 1967
- b) Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984
- c) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994
- d) Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kilang dan Jentera
- e) Peraturan-Peraturan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja
- f) Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

Berikut adalah tindakan dan aktiviti yang dilakukan oleh JKPP pada tahun 2000 dalam usaha meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di negara kita.

Bil	Perkara	Jumlah
1	Pendaftaran Kilang dan Jentera (a) Kilang yang berdaftar (b) Jentera berperakuan yang berdaftar (c) Pemasangan yang berdaftar	21,396 156,462 27,163
2	Pemeriksaan (a) Pertama dan ulangan (b) Bahaya utama (c) Pemeriksaan mengejut	93,745 20 2,214
3	Siasatan (a) Kemalangan/penyakit/kejadian merbahaya (b) Aduan yang dibuat (c) Pengawasan bahaya-bahaya kesihatan	1,223 250 74
4	Tindakan undang-undang (a) Notis perbaiki/larangan yang dikeluarkan (b) Kompaun/ Samun yang dikeluarkan (c) Kes perbicaraan	1,693 5 30
5	Galakan (a) Ceramah yang diberi (b) Peserta yang hadir (c) Organisasi yang terlibat	296 13,590 1,864

Jadual 1 menunjukkan pemeriksaan, siasatan, tindakan undang-undang dan program galakan oleh JKPP pada tahun 2000.⁸

Kewajipan Majikan

Menurut AKPP majikan mempunyai kewajipan untuk melindungi kesihatan, keselamatan dan kebajikan pekerja-pekerjanya. Majikan adalah dikehendaki mengadakan langkah-langkah keselamatan dalam penyenggaraan loji dan bahan semula jadi atau buatan seperti cecair, wap atau gas semasa penggunaan, penanganan, penyimpanan dan juga pengangkutannya.

Majikan juga hendaklah sentiasa mengoptimumkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan mengadakan latihan, penyeliaan dan memberi maklumat dan arahan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjanya. Bagi mencapai matlamat tersebut majikan hendaklah menghantar pekerja untuk mengikuti latihan yang ditawarkan oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Negara (IKKPN). IKKPN adalah pusat atau penyedia latihan berhubung dengan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan latihan berkaitan dalam negara kita. IKKPN juga merupakan penggubal kurikulum dan pelbagai program latihan untuk memenuhi keperluan semua jenis industri, turut membantu negara dalam usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerja. Pada tahun 2000 sahaja IKKPN telah menawarkan 595 kursus dan seramai melatih 13,089 peserta.⁹

Polisi Keselamatan

Menurut seksyen 16 AKPP majikan dan orang yang bekerja sendiri mempunyai kewajipan untuk menyediakan pernyataan bertulis atau polisi keselamatan mengenai dasar am berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjanya serta mengemaskinikan dasar tersebut. Pernyataan bertulis tersebut hendaklah disampaikan kepada pekerja-pekerjanya.

Selain daripada itu majikan dan orang yang bekerja sendiri mesti memastikan orang lain selain daripada pekerjanya tidak terdedah kepada risiko kesihatan dan keselamatan yang wujud dari pengusahaannya. Misalnya jentera berbahaya dalam aktiviti pengusahaan yang boleh mendatangkan bahaya kepada atau mejejaskan keselamatan dan kesihatan orang lain atau awam.

Majikan adalah dilarang dari mengenakan sebarang bayaran ke atas pekerjanya terhadap perkara-perkara yang dilakukan atau diadakan menurut AKPP.¹⁰ Ini menunjukkan bahawa AKPP ingin memastikan majikan menjadikan pengurusan keselamatan dan kesihatan menjadi sebahagian daripada sistem pengurusan organisasi.

Jawatankuasa Keselamatan

Mana-mana majikan yang mempunyai empat puluh atau lebih pekerja atau sekiranya diarahkan oleh Ketua Pengarah hendaklah menubuhkan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerjanya.¹¹ Tiap-tiap majikan hendaklah berunding dengan jawatankuasa ini untuk tujuan menggalakkan dan membangunkan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan pekerja dan menguji keberkesanan langkah-langkah tersebut. Majikan juga disarankan untuk menyediakan peruntukan kewangan yang cukup bagi melaksanakan program kesedaran keselamatan dan kesihatan setiap tahun supaya mendapat kadar pulangan pelaburan yang tinggi.

Selain daripada itu jawatankuasa keselamatan dan kesihatan juga hendaklah sentiasa mengkaji langkah-langkah keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan menyiasat serta menyelesaikan perkara-perkara yang dibangkitkan di tempat kerja.¹² Jawatankuasa tersebut juga hendaklah menyiasat apa-apa perkara di tempat kerja;

- (a) yang dianggap oleh anggota jawatankuasa itu atau orang yang diambil kerja di tempat kerja itu adalah tidak selamat atau merupakan risiko kepada kesihatan; dan
- (b) yang telah dibawa kepada perhatian majikan.

Jawatankuasa juga hendaklah menyelesaikan perkara-perkara yang disebutkan dalam sub-seksyen (b) itu dan sekiranya tidak berupaya hendaklah meminta Ketua Pengarah menjalankan suatu pemeriksaan ditempat kerja bagi maksud tersebut. Jawatankuasa juga harus ada fungsi-fungsi lain yang boleh ditetapkan.

Kewajipan Perekabentuk, Pengilang, Pengimport dan Pembekal

Perekabentuk, pengilang, pengimport dan pembekal loji hendaklah memastikan bahawa loji yang direkabentuk dan dibina adalah selamat dan tidak berbahaya kepada kesihatan apabila digunakan. Pengilang, pengimport atau pembekal bahan bagi kegunaan semasa bekerja juga mempunyai kewajipan untuk memastikan bahawa bahan seperti pepejal, gas dan wap adalah selamat terhadap kesihatan apabila digunakan.

Perekabentuk, pengilang, pengimport dan pembekal berkewajipan untuk menjalankan atau mengaturkan apa-apa ujian dan pemeriksaan yang perlu bagi pelaksanaan kewajipan mereka. Mereka juga hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menjamin penggunaan loji dengan selamat tanpa bahaya kepada kesihatan dan keselamatan pekerja.¹³

Perekabentuk, pengilang, pengimport dan pembekal adalah dikehendaki menjalankan penyelidikan bagi mengurangkan sebarang risiko berhubung dengan penggunaan loji atau bahan tersebut. Orang yang memasang atau membina loji juga mesti memastikan bahawa loji tersebut adalah tidak mendatangkan bahaya kepada kesihatan dan keselamatan semasa digunakan.

AKPP juga memperuntukkan penalti sekiranya peruntukkan seksyen 20 dan 21 tidak dipatuhi iaitu apabila disabitkan kesalahan, denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-dua sekali.

Kewajipan Pekerja Yang Sedang Bekerja

Seksyen 24 AKKP mewajibkan setiap pekerja yang sedang bekerja untuk:

- (a) Memberikan perhatian yang munasabah bagi keselamatan dan kesihatan diri dan juga orang lain yang boleh terjejas atas tindakan atau peninggalannya semasa bekerja;
- (b) Bekerjasama dengan majikan atau orang lain dalam menjalankan kewajipan yang dikenakan oleh majikan atau orang lain;
- (c) Menggunakan kelengkapan atau pakaian perlindungan yang disediakan oleh majikan bagi tujuan mencegah apa-apa risiko kepada keselamatan dan kesihatannya; dan
- (d) Mematuhi apa-apa arahan dan langkah mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang diperkenalkan oleh majikan atau orang lain.

Mana-mana pekerja yang melanggar peruntukan tersebut di atas adalah melakukan kesalahan di bawah seksyen 25 AKKP di mana apabila disabitkan dengan kesalahan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

Pemberitahuan Mengenai Kemalangan dan Penyakit Pekerjaan

AKKP memperuntukkan bahawa majikan hendaklah memberitahu pejabat keselamatan dan kesihatan pekerjaan mengenai sebarang kemalangan, keracunan pekerjaan, kejadian berbahaya atau penyakit pekerjaan yang telah terjadi atau mungkin akan terjadi di tempat kerja.¹⁴ Di samping itu AKKP juga mewajibkan pengamal atau pegawai perubatan yang merawat atau panggil melawat pesakit yang dipercayai menghidap keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga, Akta Kilang dan Jentera 1967 atau peraturan lain di bawah AKKP atau keracunan pekerjaan melaporkannya kepada Ketua Pengarah.

Pegawai Keselamatan dan Kesihatan

Seksyen 29 AKKP menegaskan bahawa seseorang yang menguruskan atau mengawal tempat kerja hendaklah mengambil kerja seorang yang kompeten untuk bertindak sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Tugas pegawai ini adalah untuk menjamin pematuhan wajar di tempat kerja seperti yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan peraturan lain di bawahnya serta menggalakan pematuhan kerja yang selamat di tempat kerja.

Penguatkuasaan dan Penyiasatan

Seseorang pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan boleh, pada bila-bila masa yang munasabah dan apabila dikemukakan perakuan pemberikuasaannya memasuki, memeriksa dan meneliti mana-mana tempat kerja.¹⁵ Pegawai tersebut boleh mengeluarkan notis larangan untuk menghentikan aktiviti pengusahaan sekiranya terdapat risiko kecederaan kepada badan atau kesihatan atau menyebabkan bahaya serta-merta kepada nyawa atau harta di tempat kerja. Pegawai juga boleh mengeluarkan notis pembaikan sekiranya berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan undang-undang.

Selain daripada itu pegawai boleh memasukkan dalam suatu notis larangan atau pembaikan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil untuk menghapuskan bahaya atau kemungkinan bahaya tersebut di tempat kerja. Seseorang yang tidak mematuhi notis pembaikan atau larangan walaupun rayuan terhadap notis telah dibuat adalah melakukan kesalahan di bawah AKKP.

Beban membuktikan had apa yang praktik adalah atas tertuduh untuk membuktikan tidaklah praktik untuk melakukan lebih daripada yang telah sebenar dilakukan untuk mematuhi kewajipan atau telah melaksanakan sesuatu setakat yang praktik atau tidak ada cara praktik yang lebih baik daripada yang telah sebenarnya digunakan untuk mematuhi kewajipan tersebut.¹⁶

KESIMPULAN

AKKP 1994 telah membantu negara dalam usaha menangani masalah keselamatan kesihatan di tempat kerja. AKKP juga tidak patut dianggap hanya sesuai dan berkesan untuk sektor industri sederhana dan multi nasional sahaja AKKP secara khusus telah meletakkan tanggungjawab ke atas semua pihak, bermula dari majikan, perekabentuk, perumus, pengilang, pengimport dan pembekal. AKKP yang mempunyai pendekatan pengaturan sendiri, ingin memastikan pekerja juga turut dibebani dengan tanggungjawab bersama. Konsep pengaturan sendiri menggalakkan penglibatan semua pihak untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah amat penting untuk mencapai matlamat kemalangan sifar 2001. Tanpa kesedaran, walau apa juga kempen, ceramah dan penerangan, pekerja tetap akan terdedah kepada bahaya dan bencana pekerjaan.¹⁷ Justeru itu tanggungjawab untuk membentuk satu sistem keselamatan dan kesihatan ditempat kerja hendaklah diletakkan pada semua pihak supaya ia menjadi satu budaya dikalangan semua pihak sebagaimana yang diwujudkan dalam konsep pengaturan sendiri dibawah AKKP.

NOTA HUJUNG

¹ <http://www.jaring.my/niosh/socso/htm>. 5/17/2000

² <http://www.jaring.my/ksm/bmver/petunjuk.htm> 4/28/2001.

³ Skop: Kesedaran keselamatan diri elak kemalangan:

<http://www.hmetro.com.my/z/Rencana/Skop/20010109175324/> specialc_artbh.

⁴ Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekeja 1994, seksyen 9 (1).

⁵ *Ibid.*, seksyen 14.

⁶ Kementerian Sumber Manusia, Malaysia:

[wysiwyg://174/http://www.jaring.my/ksm/bmver/petunjuk.htm](http://www.jaring.my/ksm/bmver/petunjuk.htm)

⁷ <http://www.dosh.gov.my/undang/undang.html> 4/28/01

⁸ <http://www.jaring.my/ksm/bmver/petunjuk.htm> 4/28/2001.

⁹ Kementerian Sumber Manusia, Malaysia:

[wysiwyg://174/http://www.jaring.my/ksm/bmver/petunjuk.htm](http://www.jaring.my/ksm/bmver/petunjuk.htm)

¹⁰ Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994, seksyen 26.

¹¹ *Ibid.*, seksyen 30.

¹² *Ibid.*, seksyen 31(a).

¹³ *Ibid.*, seksyen 20 dan 21.

¹⁴ *Ibid.*, seksyen 32.

¹⁵ *Ibid.*, seksyen 39.

¹⁶ *Ibid.*, seksyen 60.

¹⁷ Skop: Kesedaran keselamatan diri elak kemalangan:

<http://www.hmetro.com.my/z/Rencana/Skop/20010109175324/> specialc_artbh.

RUJUKAN

Kesedaran keselamatan diri elak kemalangan: on-line [8 perenggan]
http://www.metro.com.my/z/Rencana/Skop?20010109175324/specialc_artbh.

Lee Lam Thye (2001). *Membentuk Budaya Kerja Selamat dan Sihat*. Dewan Konvensyen, Universiti Utara Malaysia.

Maimunah Aminuddin. (1999). *Malaysian Industrial Relations and Employment Law*. Kuala Lumpur. McGraw-Hill Book Co.

Ringkasan Statistik Perburuhan dan Sumber Manusia: on-line
<http://www.jaring.my/ksm/bmver/petunjuk.htm>.

Akta 514: Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994